

Peringkat Perkembangan Konsep Kendiri Mengikut Pandangan Erikson Dan Peranan Perkembangan Kognitif Dalam Pembentukan Konsep Kendiri (Part 12)

Hasmadi Bin Hassan

4.0 KESIMPULAN

Setiap daripada kita tentunya mempunyai gambaran atau pandangan terhadap diri sendiri. Gambaran sedemikian disebut konsep kendiri. Ia merangkumi gambaran tentang rupa, kesihatan, kebolehan, kelemahan, tingkahlaku dan sebagainya.

Konsep kendiri dibentuk hasil daripada interaksi kita dengan orang lain dan penyesuaian kita dengan alam sekitar. Lazimnya, penyesuaian yang berjaya akan membawa kepada konsep kendiri yang positif manakala kegagalan akan membawa kepada konsep kendiri yang negatif. Disamping itu, tanggapan orang lain terhadap diri kita juga mempengaruhi konsep kendiri seseorang itu.

Individu yang mempunyai konsep kendiri yang positif biasanya akan dapat menghadapi masalah dan cabaran dengan tabah. Individu sebegini dilihat bersifat optimistik, lebih terbuka sikapnya serta bersedia menerima pendapat dan kritikan dari orang lain. Seseorang itu juga akan kelihatan lebih relaks atau tenang, mudah berinteraksi dengan orang lain, senang dihampiri. Keadaan emosinya juga lebih stabil.

Individu yang sentiasa mengalami kegagalan dalam kehidupannya, kerajaya atau bidang akademiknya lazimnya mempunyai konsep kendiri yang negatif. Kanak-kanak yang sentiasa dimarahi, dikritik, kurang menerima perhatian dan kasih sayang sering mempunyai konsep kendiri yang negatif. Mereka akan bersifat tidak gembira, tidak berpuashati, cepat merajuk serta mudah tersinggung akan menyebabkan diri mereka kurang diterima oleh orang lain, misalnya rakan sebaya. Keadaan ini akan memburukkan lagi imej kendiri mereka.

Pandangan Erikson tentang perkembangan konsep kendiri dilihat lebih menjurus kepada perkembangan psikososial seseorang itu sejak lahir hinggalah ke alam dewasa dan ke akhir hayat. Tahap-tahap perkembangan sebagaimana yang diutarakan oleh Erikson dilihat ada persamaan dengan Teori Psikoseksual Freud terutamanya pada empat peringkat pertama perkembangan yang beliau utarakan.

Apa yang menarik mengenai pandangan beliau disamping fenomena perkembangan moral dan personaliti ialah fenomena perapatan dan identifikasi. Perapatan didefinisikan sebagai kemahuan bayi mendekati individu yang signifikan seperti ibu bapa atau penjaga sewaktu dia memerlukan makanan atau keselesaan. Ia juga membawa maksud kanak-kanak berkehendakkan supaya ia dijaga dan disayangi oleh sesetengah individu. Manakala identifikasi merupakan satu proses asas pengenalan kendiri seseorang.

Pendek kata, perinsip dalaman teori Erikson merangkumi identiti, ego, prinsip epigenetik dan prinsip psikososial. Teori Erikson merupakan satu huraian bagaimana personaliti dan konsep sendiri yang sihat berfungsi dan berkembang sepanjang kehidupan manusia. Ia juga ada menjelaskan tentang bagaimana ego mengadaptasi dirinya kepada urutan krisis-krisis psikososial. Epigenesis dan konflik psikososial merupakan satu mekanisma perubahan yang memandu ke arah perkembangan identiti ego seseorang individu itu. Yang penting di sini, teori Erikson banyak menyumbangkan kita tentang pemahaman semulajadi manusia, di samping personaliti dan konsep sendiri serta mengenai krisis identiti keremajaan.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa peranan kognitif dan peranan perkembangannya dalam pembentukan konsep sendiri begitu penting sekali. Kognitif secara amnya merupakan satu proses intelektual yang melibatkan proses-proses mental, pemikiran, tindakbalas atau tindakan manusia berasaskan otak terhadap sesuatu situasi.

Aspek kognitif yang sihat dari segi perkembangannya sudah pasti menjamin pembentukan konsep sendiri yang positif. Walaubagaimanapun, aspek kognitif bukanlah faktor tunggal yang mempengaruhi pembentukan konsep sendiri seseorang itu, bahkan aspek jasmani (psikomotor/fizikal), afektif (perasaan/emosi), sosial, baka dan persekitaran juga dilihat berpotensi dalam mencorakkan konsep sendiri seseorang insan itu.

BIBLIOGRAFI

- Allen, B.P., 2000. *Personality Theories : Development, Growth and Diversity*, USA : Allyn & Bacon Co.
- Baltes, P.B. Reese, H.W. & Nesselroade, J.R., 1977. *Life Span Development Psychology. Introduction To Research Methods*, Monterey, Ca. : Brooks/Cole Publishing Co. Inc
- Canfield J. & Wells H.C., 1976. *100 Ways To Enhance Self Concept In The Classroom*, New Jersey : Prentice Hall, Inc.
- Chaplin, J.D., 1985. *Dictionary Of Psychology*, New York : Dell Publishing Company,(Edisi Kedua).
- Cohen, D.H., 1973. *The Learning Child*, New York : Random House.
- Dasen, P.R., 1984. The cross-cultural study of intelligence. Piaget and the Baoulé. *International Journal of Psychology* 19 (4/5).
- Freud, S., 1953. *Interpretation Of Dreams*, London : Hogarth Press.
- Mohd. Daud Hamzah, 1990. *Dorongan dan Pembelajaran*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Piaget, J. & Inhelder, B., 1969. *The Psychology Of Child*, New York : Basic Books.
- Rebok, G.W. ,1987. *Life-span Cognitive Development*. Ed. 1. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Rogers, C.R., 1951. *Client Centered Therapy* , Boston : Houghton Mifflin.
- Schultz, D. & Schultz, S.E., 1994. *Theories Of Personality*, USA : Brooks/Cole Co.
- Shavelson, R.J. & Bolus, R., 1982. Self Concept : The Interplay Of Theory And Method. *Journal Of Educational Psychology*, 74, 3-17.